



POLISI PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT

JABATAN PENDAFTARAN NEGARA




KANDUNGAN



1	PENGENALAN
2	LATAR BELAKANG
4	OBJEKTIF
5	TUJUAN
6	TAFSIRAN
11	TANGGUNGJAWAB AGENSI PENGUATKUASAAN
13	KATEGORI PEMBERI MAKLUMAT
14	ELEMEN UTAMA SEBAGAI PEMBERI MAKLUMAT
16	PENDEDAHAN KELAKUAN TIDAK WAJAR
18	PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT
19	PERLINDUNGAN MAKLUMAT SULIT
20	PERLINDUNGAN TERHADAP TINDAKAN YANG MEMUDARATKAN
21	TINDAKAN YANG MEMUDARATKAN
22	PEMBATALAN PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT
24	SIASATAN TERHADAP TINDAKAN YANG MEMUDARATKAN
25	REMEDI
26	GANJARAN
27	LAPORAN MALA FIDE


PENGENALAN



Jabatan komited untuk memberi perkhidmatan yang berkualiti, cekap, tepat dan mesra serta bertanggungjawab sebagai agensi rujukan utama rekod penduduk demi kepentingan Negara berdasarkan nilai-nilai ketelusan, integriti, kesaksamaan, akauntabiliti dan amalan urus tadbir yang baik dalam menjalankan aktiviti Jabatan.

Polisi ini dibangunkan dengan mengambil kira perundangan yang diamalkan dalam pelbagai aspek bagi mengadaptasi prinsip dan amalan yang bersesuaian dengan keadaan semasa di JPN serta selaras dengan hasrat kerajaan untuk memerangi rasuah dan kesalahan-kesalahan lain yang melibatkan semua aktiviti di JPN.

LATAR BELAKANG



Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 [Akta 711] telah diluluskan di Parlimen pada 6 Mei 2010. Akta ini bertujuan untuk membanteras salah laku dalam sektor awam dan swasta terutamanya salah laku berkaitan gejala rasuah, jenayah dan tatatertib. Ia juga boleh dilaksanakan oleh semua agensi yang mempunyai kuasa penyiasatan dan penguatkuasaan. Akta ini turut melengkapkan kekurangan pada akta-akta lain dalam melindungi pemberi maklumat.

Selain daripada menggalak dan memudahkan orang awam untuk mendedahkan sebarang perbuatan rasuah dan salah laku lain, Akta ini turut memperuntukkan perlindungan kepada pemberi maklumat seperti berikut:-

- Perlindungan daripada kebocoran maklumat sulit pemberi maklumat;
- Perlindungan terhadap tindakan yang memudaratkan; dan

- Kekebalan daripada tindakan sivil dan jenayah yang mungkin dihadapi oleh pemberi maklumat setelah membuat pendedahan kepada agensi penguatkuasaan

Akta ini juga memberi kuasa kepada agensi penguatkuasaan untuk menjalankan penyiasatan terhadap kelakuan tidak wajar dan terhadap aduan tindakan yang memudaratkan serta memberi kuasa kepada pihak mahkamah untuk membuat perintah bagi Remedi.

OBJEKTIF



Polisi ini diwujudkan sebagai satu mekanisme dalaman bagi memudahkan warga JPN, pembekal atau mana-mana pihak luar untuk mendedahkan (memberi maklumat) salah laku atau apa-apa tingkah laku yang tidak wajar (seperti yang ditakrifkan di bawah Akta 711) seawal mungkin dalam pengetahuan mereka dan untuk memberi perlindungan daripada tindak balas kepada warga JPN, pembekal dan pihak luar yang melaporkan dakwaan kelakuan tidak wajar (Sek. 6 Akta 711).

TUJUAN



- Polisi ini merupakan panduan yang menggariskan proses penerimaan aduan, penyiasatan, penyediaan laporan dan tindakan yang akan diambil ke atas warga JPN yang terlibat.
- Pelaksanaan polisi ini sebagai langkah memerangi salah laku serta ketidakpatuhan warga JPN kepada undang-undang, kod etika, perkeliling dan peraturan terhadap aktiviti Jabatan.
- Polisi ini bertujuan untuk memastikan bahawa semua laporan tersebut akan disiasat dengan teliti dan tindakan yang bersesuaian diambil jika perlu.
- Polisi ini juga adalah sebagai langkah melindungi warga JPN daripada sebarang tindakan atau ancaman setelah mendedahkan maklumat dengan niat yang ikhlas.

TAFSIRAN

Bagi tujuan Polisi ini,

- **“agensi penguatkuasaan”** ertinya-
 - (a) Mana-mana kementerian, jabatan, agensi atau badan lain yang dibentuk oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri atau kerajaan tempatan termasuk suatu unit, seksyen, bahagian, jabatan atau agensi kementerian, jabatan, agensi atau badan itu, yang diberi fungsi penyiasatan dan penguatkuasaan oleh mana-mana undang-undang bertulis atau yang mempunyai kuasa penyiasatan dan penguatkuasaan;
 - (b) Suatu badan yang ditubuhkan oleh undang-undang Persekutuan atau undang-undang Negeri yang diberi fungsi penyiasatan dan penguatkuasaan oleh undang-undang Persekutuan atau undang-undang Negeri itu atau mana-mana undang-undang bertulis yang lain; atau

- (c) Suatu unit, seksyen, bahagian, jabatan atau agensi sesuatu badan yang ditubuhkan oleh undang-undang Persekutuan atau undang-undang Negeri yang mempunyai fungsi penyiasatan dan penguatkuasaan;
- **"badan awam"** termasuklah-
 - (a) Kerajaan Malaysia;
 - (b) Kerajaan sesuatu Negeri;
 - (c) Mana-mana pihak berkuasa tempatan dan mana-mana pihak berkuasa berkanun yang lain;
 - (d) Mana-mana jabatan, perkhidmatan atau perusahaan Kerajaan Malaysia, Kerajaan sesuatu Negeri, atau sesuatu pihak berkuasa tempatan; dan
 - (e) Mana-mana syarikat atau syarikat subsidiari yang terhadapnya atau yang dalamnya mana-mana badan awam sebagaimana yang disebut dalam perenggan (a),(b),(c) atau (d) mempunyai kawalan atau kepentingan;

- **“badan swasta”** ertinya suatu jawatan atau entiti selain badan awam;
- **“kelakuan tidak wajar”** ertinya apa-apa kelakuan yang jika terbukti, menjadi suatu kesalahan tatatertib atau kesalahan jenayah;
- **“kesalahan tatatertib”** ertinya apa-apa tindakan atau peninggalan yang menjadi suatu pelanggaran tatatertib dalam badan awam atau badan swasta sebagaimana yang diperuntukkan oleh undang-undang atau dalam suatu tatalaku, kod etika atau pekeliling atau suatu kontrak kerja, mengikut mana-mana yang berkenaan;
- **“maklumat sulit”** termasuklah-
 - (a) Maklumat tentang identiti, pekerjaan, alamat kediaman, alamat kerja atau tempat beradanya-
 - (i) seseorang pemberi maklumat; dan
 - (ii) seseorang yang terhadapnya seseorang pemberi maklumat telah membuat pendedahan kelakuan tidak wajar;
 - (b) Maklumat yang didedahkan oleh seseorang pemberi maklumat; dan
 - (c) Maklumat yang, jika didedahkan, boleh menyebabkan mudarat kepada mana-mana orang;

- **“pegawai badan awam”** ertinya mana-mana orang yang menjadi anggota, pegawai, pekerja atau pekhidmat sesuatu badan awam, dan termasuklah anggota pentadbiran, ahli Parlimen, ahli sesuatu Dewan Undangan Negeri, hakim Mahkamah Tinggi, Mahkamah Rayuan atau Mahkamah Persekutuan, dan mana-mana orang yang menerima apa-apa saran daripada wang awam, dan, jika badan awam itu ialah suatu perbadanan seorang, termasuklah orang yang diperbadankan sebagai perbadanan itu;
- **“pegawai badan swasta”** termasuklah mana-mana orang yang menjadi seorang anggota, pemegang jawatan, pegawai, pekerja, pekhidmat, majikan, tuan punya, rakan, kongsi dan pengarah sesuatu badan swasta;
- **“pegawai diberi kuasa”** ertinya mana-mana pegawai bagi mana-mana agensi penguatkuasaan;
- **“pemberi maklumat”** ertinya mana-mana orang yang membuat pendedahan kelakuan tidak wajar kepada agensi penguatkuasaan di bawah seksyen 6 [Akta 711];
- **“perlindungan pemberi maklumat”** ertinya perlindungan yang diberikan kepada seseorang pemberi maklumat di bawah Akta 711;

- **“tindakan yang memudaratkan”** termasuklah-
 - (a) tindakan yang menyebabkan kecederaan, kehilangan atau kerosakan;
 - (b) ugutan atau gangguan;
 - (c) gangguan terhadap pekerjaan sah atau mata pencarian mana-mana orang, termasuk diskriminasi, penamatan perkhidmatan, penurunan pangkat, gantung kerja, keadaan yang merugikan, penamatan atau layanan buruk berhubungan dengan pekerjaan, kerjaya, profesion, tred atau perniagaan mana-mana orang atau pengambilan tindakan tatatertib; dan
 - (d) suatu ancaman untuk mengambil mana-mana tindakan yang disebut dalam perenggan (a) hingga (c).



TANGGUNGJAWAB AGENSI PENGUATKUASAAN

Agensi penguatkuasaan perlu memahami tanggungjawab dan proses kerja untuk melaksanakan Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 [Akta 711] berhubung dengan :

Pendedahan kelakuan tidak wajar / aduan tindakan yang memudaratkan

Penentuan kesahihan pendedahan oleh pemberi maklumat

Penentuan bidang kuasa untuk menyiasat pendedahan kelakuan tidak wajar / aduan tindakan yang memudaratkan

Pengurusan hasil siasatan pendedahan kelakuan tidak wajar / aduan tindakan yang memudaratkan

Pemakluman hasil siasatan kepada pemberi maklumat

Laporan statistik dikemukakan kepada YB Menteri di Kementerian Dalam Negeri secara berkala

KATEGORI PEMBERI MAKLUMAT

DALAMAN

- 1 Kakitangan JPN
- 2 Kakitangan Kontrak; dan
- 3 Kakitangan Sementara.

LUARAN

- 1 Pembekal; dan
- 2 Orang Awam/
Pihak Luar

ELEMEN UTAMA SEBAGAI PEMBERI MAKLUMAT

Menerusi pengetahuannya sendiri :

1

Pemberi maklumat mengetahui kerana ia mengalami sendiri kelakuan tidak wajar tersebut

Dengan pengetahuan yang munasabah dan dipercayai olehnya. Iaitu kelakuan tidak wajar telah diceritakan atau diberitahu oleh orang lain yang pemberi maklumat itu yakin dan percaya kepadanya

2

Membuat pendedahan kepada mana-mana agensi penguatkuasaan (*no wrong door policy*) yang melaksanakan Akta 711

3

Agensi penguatkuasaan yang tidak mempunyai kuasa untuk membuat penyiasatan terhadap sesuatu maklumat yang diterima boleh menyalurkan maklumat tersebut kepada agensi penguatkuasaan yang berkenaan.

4

Pendedahan tidak dilarang oleh mana-mana undang-undang bertulis yang lain.

5

Pemberi maklumat tidak boleh dipaksa untuk menjadi saksi atau dijadikan saksi di mahkamah (subseksyen 8 (2) Akta 711)

PENDEDAHAN KELAKUAN TIDAK WAJAR

Seksyen 6(1) - Seseorang boleh membuat pendedahan kelakuan tidak wajar kepada mana-mana agensi penguatkuasaan berdasarkan kepercayaannya yang munasabah bahawa mana-mana orang telah melibatkan diri, sedang melibatkan diri atau bersedia untuk melibatkan diri dalam kelakuan tidak wajar.

Pemberi maklumat yang layak diberi perlindungan adalah seperti berikut :

Pemberi maklumat LAYAK dilindungi di bawah Akta Perlindungan Pemberi Maklumat

[Akta 711]

- Hadir sendiri ke mana-mana agensi penguatkuasaan untuk membuat pendedahan
- Surat/ Emel/ Telefon - menyatakan maklumat yang jelas tentang nama, identiti, no. telefon, alamat pemberi maklumat untuk dihubungi oleh pegawai diberi kuasa
- Membuat temujanji di tempat yang telah dipersetujui

Pemberi
maklumat **TIDAK**
LAYAK dilindungi
di bawah Akta
Perlindungan
Pemberi
Maklumat
[Akta 711]

- Surat/ Surat Layang/ Emel/ Telefon - TIDAK menyatakan maklumat yang jelas tentang nama, identiti, no. telefon, alamat pemberi maklumat untuk dihubungi adalah TIDAK LAYAK diberikan perlindungan di bawah Akta 711. Walau bagaimanapun, aduan tetap diterima dan siasatan akan diteruskan berdasarkan maklumat yang disalurkan.

PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT

Mana-mana agensi penguatkuasaan yang menerima pendedahan kelakuan tidak wajar daripada seseorang pemberi maklumat dibawah Seksyen 6, perlu melindungi pemberi maklumat sebagaimana berikut :



- Perlindungan maklumat sulit (maklumat identiti, alamat, pekerjaan dan yang berkaitan dengan pemberi maklumat),
- Kekebalan daripada tindakan sivil dan jenayah,
- Perlindungan daripada tindakan yang memudaratkan



- Perlindungan terhadap tindakan yang memudaratkan juga diperluaskan kepada mana-mana orang yang mempunyai hubungan dengan pemberi maklumat

PERLINDUNGAN MAKLUMAT SULIT

Seksyen 8 (1) - Mana-mana orang yang membuat atau menerima pendedahan kelakuan tidak wajar atau memperoleh maklumat sulit dalam perjalanan penyiasatan terhadap pendedahan sedemikian tidak boleh mendedahkan maklumat sulit atau mana-mana bahagiannya.

Seksyen 8 (4) - Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi RM 50,000.00 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 10 tahun atau kedua-duanya.

PERLINDUNGAN TERHADAP TINDAKAN YANG MEMUDARATKAN

Polisi ini melindungi pemberi maklumat yang membuat laporan/ aduan secara jujur. Sesiapa yang terlibat dalam tindakan balas terhadap warga JPN/ pemberi maklumat akan dikenakan tindakan penguatkuasaan di bawah Akta 711. Mana-mana warga JPN yang telah membuat laporan secara jujur akan dilindungi daripada sebarang tindakan buruk yang akan menjejaskan kehidupannya sebagai contoh pelepasan, turun pangkat, penggantungan, gangguan atau lain-lain bentuk diskriminasi berpunca daripada melaporkan kelakuan tidak wajar.

Warga JPN juga atau mana-mana pihak lain akan dilindungi walaupun laporan yang dibuat terbukti tidak benar atau tidak berasas.

TINDAKAN YANG MEMUDARATKAN

Pemberi maklumat boleh membuat aduan kepada mana-mana agensi penguatkuasaan tentang apa-apa tindakan yang memudaratkan yang dilakukan oleh mana-mana orang terhadap pemberi maklumat itu atau mana-mana orang yang mempunyai hubungan atau kaitan dengan pemberi maklumat. Tindakan yang memudaratkan adalah seperti berikut :

- Tindakan yang menyebabkan kecederaan, kehilangan atau kerosakan
- Ugutan atau gangguan
- Gangguan terhadap pekerjaan sah atau mata pencarian
- Suatu ancaman untuk mengambil mana-mana tindakan yang disebut dalam perenggan (1) hingga (3)

PEMBATALAN PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT

Agensi penguatkuasa hendaklah membatalkan perlindungan pemberi maklumat yang diberikan di bawah Seksyen 7 (Akta 711) jika ia berpendapat, berdasarkan penyiasatannya atau dalam perjalanan penyiasatan bahawa :

- Pemberi maklumat itu sendiri adalah salah seorang dari pelaku dalam kelakuan tidak wajar itu

- Pemberi maklumat dengan sengaja membuat dalam pendedahan kelakuan tidak wajarnya suatu pernyataan material yang dia tahu atau percaya adalah palsu atau tidak percaya sebagai benar

- Pendedahan kelakuan tidak wajar itu adalah remeh atau menyusahkan

- Pendedahan kelakuan tidak wajar mempersoalkan merit dasar kerajaan terutamanya, termasuk dasar sesuatu badan awam

- Pendedahan kelakuan tidak wajar dibuat semata-mata atau sebahagian besarnya dengan motif untuk mengelak daripada dibuang kerja atau tindakan tatatertib yang lain

- Pemberian maklumat melakukan apa-apa kesalahan di bawah akta ini seperti mendedahkan maklumat sulit (contohnya melalui percakapan/ media sosial dan lain-lain), memusnahkan bahan bukti atau mengarahkan orang lain melakukan perkara yang menjadi kesalahan di bawah akta ini

SIASATAN TERHADAP TINDAKAN YANG MEMUDARATKAN

Jika agensi penguatkuasaan itu telah selesai membuat penyiasatan terhadap apa-apa aduan tindakan yang memudaratkan di bawah Akta ini, agensi penguatkuasaan hendaklah :

1

- Jika tiada kesalahan dibuktikan, pemberi maklumat hendaklah dimaklumkan dan tiada tindakan lanjutan terhadap maklumat yang disalurkan

2

- Jika ada kesalahan tatatertib, agensi penguatkuasaan hendaklah mengemukakan kepada jabatan yang berkenaan atau majikan tempat orang yang didakwa itu berkenaan hasil siasatan dan syor yang dibuat

3

- Jika suatu kesalahan jenayah didapati telah dilakukan, laporan dan syor ke atas siasatan itu hendaklah dikemukakan kepada pendakwa raya untuk diputuskan sama ada untuk mendakwa atau tidak

REMEDY

Pemberi maklumat dan orang yang mempunyai hubungan atau kaitan dengan pemberi maklumat boleh menuntut remedi jika tindakan yang memudaratkan sebagai tindak balas terhadap pendedahan kelakuan tidak wajar telah diambil atau pemberi maklumat bimbang tindakan yang memudaratkan akan diambil terhadapnya, beliau boleh meminta agensi penguatkuasaan memohon remedi di mahkamah bagi mendapatkan:-

Injuksi; atau

Ganti rugi atau pampasan;

Apa-apa *relief* lain yang difikirkan patut oleh mahkamah

GANJARAN

Seksyen 26 - Agensi penguatkuasaan boleh memerintahkan apa-apa ganjaran yang difikirkannya patut untuk dibayar kepada pemberi maklumat bagi-

- (a) apa-apa pendedahan kelakuan tidak wajar; atau
- (b) apa-apa aduan tindakan yang memudaratkan sebagai tindakan balas terhadap pendedahan kelakuan tidak wajar,

yang membawa kepada pengesanan kes kelakuan tidak wajar atau tindakan yang memudaratkan atau pendakwaan orang yang terhadapnya pendedahan kelakuan tidak wajar itu dibuat atau orang yang melakukan tindakan yang memudaratkan itu.

Ganjaran boleh diberikan kepada pemberi maklumat bagi pendedahan kelakuan tidak wajar atau tindakan memudaratkan yang membawa kepada pendakwaan orang yang diadukan telah melakukan kelakuan tidak wajar atau tindakan yang memudaratkan.

LAPORAN MALA FIDE

Sekiranya laporan yang dibuat dengan niat yang baik, yang tidak disokong dan disahkan oleh siasatan, tiada tindakan akan diambil terhadapnya.

Sebarang aduan, laporan atau maklumat palsu dan / atau sengaja membuat tohmahan dana/ atau berunsur fitnah atau dibuat sama ada untuk menjatuhkan seseorang atau imej Jabatan dan atau untuk apa-apa tujuan lain sekalipun dan penyalahgunaan mekanisme polisi ini ia merupakan satu kesalahan dan tindakan tatatertib boleh diambil kepada sesiapa yang terlibat.

MAKLUMKAN KEPADA



SURAT:
Unit Integriti,
Jabatan Pendaftaran Negara,
No 20, Persiaran Perdana,
Presint 2, 62551 WP Putrajaya.



EMAIL:
aduanintegriti@jpn.gov.my



HOTLINE:
03 8880 7700 / 03 8880 7733



JABATAN PENDAFTARAN NEGARA

No 20, Persiaran Perdana, Presint 2,
Wilayah Persekutuan Putrajaya,
Malaysia